

MAJLIS RAMAH MESRA RAJA PERMAISURI AGONG BERSAMA BAKAT

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5594-majlis-ramah-mesra-raja-permaisuri-agong-bersama-bakat

KUALA LUMPUR, 2 Nov 19 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra bersama Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) di Rumah BAKAT ATM hari ini.

Keberangkatan tiba baginda disambut oleh Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM, Puan Sri Datin Seri Hajah Rusnah binti Haji A. Rahman; Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara, YAM Tengku Puteri Seri Teja Puan Sri Hj Tengku Muhaini bte Almarhum Sultan Hj Ahmad Shah serta pengerusi BAKAT Perkhidmatan lain.



